

Jenis Akhbar : Harian Metro
Tarikh : 03/05/2017
Edisi / Muka Surat : Nasional / 40

Alor Setar: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) mencadangkan kerajaan menggunakan Sistem Pelaporan Kredit (SPEKAR) bagi mengawal pinjaman dilakukan penjawat awam.

Timbalan Presidennya Mutadho Bahri berkata, pada masa sama penggunaan sistem itu perlu diperluaskan ke setiap institusi kewangan bagi mengesan data potongan gaji dan maklumat pinjaman golongan terbabit.

Katanya menerusi sistem itu, institusi kewangan tidak lagi perlu merujuk pelbagai agensi untuk menyemak rekod kewangan peminjam.

"Sistem digunakan ANGKASA sejak tiga tahun lalu berkesan menjejaki maklumat terbabit termasuk peminjam tersenarai dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS), Credit Tip Off Service Sdn Bhd

ANGKASA syor guna SPEKAR kawal pinjaman penjawat awam



MUTADHO (kanan) menyerahkan sumbangan kepada pesakit di Pusat Dialisis MyANGKASA di Taman Sri Duyung, semalam.

(CTOS) serta Sistem Potongan Gaji Angkasa (SPGS).

"Kami boleh mengesan penjawat awam yang pernah membuat pinjaman sama ada dengan kerajaan, kope-

rasi dan bank.

"Sekiranya sistem ini digunakan, kita boleh menyemak sama ada kakitangan kerajaan itu membuat pinjaman (bayaran) melebihi 60

peratus daripada gajinya," katanya selepas majlis pelancaran Pusat Dialisis MyANGKASA Cawangan Kedah di Taman Sri Duyung, Teluk Kechai, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Presiden Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) Datuk Azih Muda mencadangkan kerajaan menggunakan SPEKAR berikutan ada penjawat awam membuat pinjaman melebihi kemampuan dan melakukan pinjaman bertindih.

Kegagalan menguruskan hutang pinjaman menyebabkan lebih 49,000 penjawat awam berdepan risiko muflis.